

Hubungan akrab Malaysia, Indonesia selesai isu berlarutan

Anwar sifatkan lawatan Jokowi sebagai rundingan keluarga, sahabat sejati

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Hubungan akrab dan kerjasama erat pemimpin Malaysia dan Indonesia berjaya mencari titik noktah dalam menyelesaikan pelbagai isu yang berlarutan di antara kedua-dua negara sejak puluhan tahun, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, komitmen kedua-dua negara jiran itu dapat dilihat dengan termeterai beberapa perjanjian persefahaman (MoU) dalam bidang berkaitan sempadan, ekonomi, perdagangan dan pelaburan.

Anwar berkata, beliau tidak menganggap lawatan kerja Joko Widodo atau lebih dikenali Jokowi ke Malaysia sebagai lawatan kerja biasa, sebaliknya menyifatkan sebagai perundingan keluarga dan sahabat sejati.

"Ini sangat akrab dan memudahkan dan saya berbangga hari ini (semalam), kita dapat menyelesaikan satu isu yang telah kita runding selama berpuluh ta-

hun," katanya merujuk isu persempadanan maritim antara wilayah membabitkan Laut Sulawesi dan Selat Melaka yang berjaya diselesaikan selepas 18 tahun.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama Jokowi di Kompleks Seri Perdana di sini, sempena lawatan kerja dua hari Presiden Indonesia itu ke Malaysia. Yang turut hadir, beberapa menteri Kabinet kedua-dua negara.

Pertukaran enam instrumen

Terdahulu, Anwar dan Jokowi menyaksikan pertukaran enam instrumen bagi mengukuhkan lagi hubungan dua hala Malaysia-Indonesia, khususnya bidang ekonomi serta keselamatan.

Enam instrumen itu adalah Perjanjian Lintas Sempadan Antara Malaysia dan Indonesia; Perjanjian Berkaitan Persempadanan Laut Wilayah Kedua-dua Negara di Bahagian Paling Selatan Selat Melaka; Persempadanan Laut Wilayah Dua Negara di Laut Sulawesi; Perjanjian Perdagangan Sempadan; Kerjasama Promosi Pelaburan dan Pengiktirafan Bersama Pensijilan Halal Bagi Produk Domestik.

Perjanjian Lintas Sempadan ditandatangani Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasion Ismail dengan rakan sejawatnya, Muhammad Tito Karnavian.

Kedua-dua negara turut mem-

terai dua kerjasama berhubung keselamatan maritim membabitkan Perjanjian Berkaitan Persempadanan Laut Wilayah Kedua-dua Negara di bahagian paling selatan Selat Melaka serta Persempadanan Laut Wilayah Dua Negara di Laut Sulawesi.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dengan rakan sejawatnya, Retno Marsudi.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz pula menandatangani instrumen berkaitan perdagangan sempadan dengan Menteri Perdagangan Indonesia, Zulkifli Hasan.

Tengku Zafrul turut menandatangani kerjasama promosi pelaburan bersama Menteri Pelaburan Indonesia, Bahliil Lahadalia.

Instrumen terakhir ditandatangani Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Hakimah Mohd Yusoff dengan Pengerusi Badan Penyelenggara Jaminan Produk Halal Indonesia, Muhammad Aqil Irham, membabitkan pengiktirafan bersama pensijilan halal bagi produk domestik.

Terdahulu, Jokowi bersama delegasi tiba di Kompleks Seri Perdana pada jam 10 pagi sebelum disambut Perdana Menteri bersama barisan Kabinet.

Jokowi tiba di Malaysia kelmarin bagi lawatan kerja dua hari susulan lawatan rasmi Anwar ke negara itu pada Januari lalu.